

## KETIDAK JUJURAN AKADEMIK DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM: ETIKA, INTEGRITI DAN SYARIAT

Ramlan Mustapha, PhD, Zulquarnain M. Ali & Sahardi Ismail, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

mujahidpahang@gmail.com

### Abstract

Academic dishonesty is a violation of the academic integrity. Islam essentially does not recognize and condemn the illegal act and deviated from the basic tenets outlined. Islamic scholars agree that the deviant act as academic dishonesty is prohibited and abominable in Islam. This act also violates the basic principle of honesty and ethical and moral fact in academic. Islam recognized knowledge as a shared asset and it should be shared sparingly and not in a way that violates Islamic law such as plagiarism, copying, stealing other people's information. Transmission and technological development requires strength values of integrity, good character and high moral to prevent this phenomenon occurs. Development of religious consciousness, religious, spiritual values, understanding the high ethical values should be enhanced so that transmission is capable of academic dishonesty handled properly. As a developed country, has a good human capital and individuals who have a first-class mind, aspects of the development of moral, spiritual and ethical fortitude to Streamline and is enhanced in advance so that the wishes and major mission can be successfully achieved. Thereby, this paper gives an overview of academic dishonesty perspective and understanding of Islam's view on the issue in particular.

**Keyword:** Academic dishonesty, Integrity, Ethic, Syarak, Mazmumah, Mahmudah

### 1.0. Pendahuluan

Islam amat mementingkan nilai, etika, integriti dan kemaslahatan dalam apa jua keadaan sama ada tingkah laku dan amalan, mualamat dan interaksi antara manusia. Manusia di ajar agar meninggalkan semua sifat *mazmumah* dan perilaku yang menyimpang daripada ajaran Islam. Sifat *mazmumah* berkait rapat dengan akhlak dan tatacara manusia berinteraksi dalam segenap hal kehidupan. Orang yang beriman dan beramal baik akan berusaha untuk menjauhkan segala sifat *mazmumah* dan berusaha untuk beramal dengan sifat *mahmudah* yang terangkum sebagai akhlak mulia yang dituntut Islam. Matlamat dasar pendidikan dalam Islam menitik beratkan kepada pendekatan keberkatan, kejujuran dan kerahmatan daripada Allah SWT. Pendekatan ini mula diperkenalkan pada Persidangan Pendidikan Islam pertama di Makkah pada tahun 1977 yang menitikberatkan “*matlamat asas dalam pendidikan adalah untuk membentuk individu yang baik dan jujur yang beriman kepada Allah dalam segenap perkara dalam kehidupan*” (Abdul Hafeez, Asadullah & Rosydi, 2013). Segala bentuk perlakuan yang menyimpang daripada kehendak agama dan syariat Islam adalah ditegah sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوٰتِ الشَّيْطٰنِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوٰتِ الشَّيْطٰنِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ  
بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْ لَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكٰى مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ  
اللَّهَ يُزَكِّي مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatnya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang peraturannya) dan (ingatlah Allah Maha Mendengar) lagi Maha Mengetahui (Annur:21)*

Islam juga menyeru umatnya agar hidup dan ber *muamalah* atas dasar kebenaran dan hak yang benar. Firman Allah Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ  
وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَن تَعْدِلُوا وَإِن تَلَوْا  
أَوْ تُعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ١٣٥

*Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

( Al Nisa':135)

Setiap kebenaran dan kesahihan dalam segala perbuatan perlulah di zahirkan dan bukan disembunyikan. Segala bentuk perbuatan sama ada dalam perbuatan, penulisan, akademik dan lain-lain perlulah bergerak atas dasar kebenaran dan etika yang dipersetujui syariat Islam. Firman Allah Taala:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ٤٢

*Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya.*

( Al Baqarah: 42)

Ketidakjujuran akademik diklasifikasikan sebagai salah satu perbuatan yang menyimpang daripada nilai dan etika (Moten, 2014). Berdasarkan fatwa Sheikh Atiah Saqar dalam kitab *Ahsanul Kalam Fil Fatawa Wal Ahkam* dan disepakati sebahagian besar ulama menyatakan bahawa perlakuan ketidakjujuran akademik adalah haram dan menyimpang daripada syariat Islam. Perlakuan seperti ini tidak boleh diterima dalam ajaran Islam, selain menyalahi saranan agama ia juga diklasifikasikan melanggar peraturan nilai dan etika moral (Al-Suyuti, 1998). Gibaldi (2010) mengklasifikasikan ketidakjujuran akademik sebagai satu perbuatan penipuan. Islam secara zahirnya melarang segala unsur penipuan dalam segala bentuk perbuatan dan

mengaitkannya sebagai perbuatan yang menyalahi amanah dan hak agama, sebagaimana firman Allah :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَنفَقْنَ مِنْهَا  
وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ٧٢

*Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.*

(Al Ahzab:72)

## 2.0. Konsep Ketidakjujuran akademik

Ketidakjujuran akademik adalah segala bentuk penyelewengan, menyimpang dan ketidakjujuran dalam akademik seperti plagiat, menjiplak dan mencuri karya tanpa izin daripada pemilik karya sebenar (Latisha & Surina, 2012). Stuber, Wisely & Hobert (2009) mendefinisikan ketidakjujuran akademik sebagai segala bentuk penipuan akademik seperti plagiarism, meniru, menjiplak, menyalin, mengambil peluang secara tidak adil serta mengambil hak akademik orang lain tanpa kebenaran. Menurut Kuntz & Butler (2014) ketidakjujuran akademik terjadi dalam pelbagai bentuk yang merangkumi pelbagai tingkahlaku termasuklah menipu, meniru, plagiat dan penyelewengan maklumat. Menurut Anitsal, Anitsal & Elmore (2009) perilaku ketidakjujuran akademik merujuk kepada kecenderungan untuk melakukan dengan sengaja seperti pelanggaran terhadap peraturan tugas dan ujian, membantu orang lain dalam menyelesaikan ujian atau tugas, meniru, plagiat dan mengambil maklumat tanpa keizinan yang sah daripada pemilik tanpa memberi penghargaan kepada karya asal. Berdasarkan kepada konsep di atas, dapatlah disimpulkan bahawa perilaku ketidakjujuran dalam akademik ini signifikannya merujuk kepada perbuatan atau cara-cara yang tidak jujur, tidak amanah, menggunakan jalan keluar yang tidak beretika dalam memperoleh matlamat yang dikehendaki dalam menyelesaikan tugas, penulisan dan ujian dalam akademik.

Ilmuwan Islam menjustifikasikan amalan ketidakjujuran akademik seperti mencuri hak akademik orang lain, meniru, plagiat dan sebagainya amalan yang dikutuk dan tidak boleh diterima dalam Islam (Moten, 2014). Ibn Khaldun sebagai contohnya menggunakan *intihal* yang membawa maksud plagiat dalam konteks akademik (Ahmad, 2004). Ibn Khaldun (1989) mengklasifikasikan Individu yang mengamalkan aktiviti plagiat khususnya sebagai jahil dan tidak berakhlak (Ahmad, 2004).

Sejarah membuktikan bahawa Ilmuwan Islam memberi penekanan terhadap hak akademik pemilik asal. Sebagaimana Ibn Khaldun gariskan, Ilmu dan pengetahuan merupakan medan Ilmiah dan etika terikat dengan nilai etika yang baik, jujur dan berintegriti (Ibn Khaldun, 1958). Islam menyifatkan juga bahawa ilmu sebagai hak Allah dan ia wajib disebar dan tidak untuk tujuan monopoli (Moten, 2014). Al Ghazali contohnya menyampaikan ilmu dalam bentuk memberi penghormatan terhadap guru-gurunya dan mengkolaborasi ilmu dan etika sebagai jalan menyampaikan ilmu yang sebenar (Moten, 2014).

### 3.0. Ketidakjujuran akademik dalam konteks global

Ketidakjujuran akademik bukan sesuatu yang baru dalam dunia akademik. Peningkatan yang serius dicatatkan dari masa ke semasa di peringkat global. Kajian secara spesifik telah dilakukan oleh banyak pengkaji tentang isu ini, sebagaimana kajian awal Bower 1964 di Amerika. Kajian Bower (1964) terhadap sebilangan besar mahasiswa di Amerika mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa di Amerika terlibat dengan perilaku ini. Kajian (Grimes, 2004; Mc Cabe, Trevino & Butterfield, 2001) mendapati bahawa 75% mahasiswa terlibat dengan aktiviti ketidakjujuran akademik diseluruh dunia. Kajian yang dilakukan terhadap 4500 mahasiswa pengajian tinggi menunjukkan nisbah ketidakjujuran akademik sebanyak 74% mahasiswa terlibat dengan ketidakjujuran akademik (Mc Cabe, 2005). Aktiviti ketidakjujuran akademik di lihat amat mengancam institusi akademik dan di klasifikasi kan “*alarming rate*” disebabkan kadar peningkatan semasa yang amat tinggi antara 40% hingga 90% (Wideman, 2008; Imran & Nordin, 2014).

Seiring dengan perubahan masa dan teknologi, permasalahan dengan isu ketidakjujuran akademik semakin bercambah dan semakin kompleks. Fenomena ini merebak dengan cepat di kebanyakan institusi pengajian tinggi di dunia (Murdock & Anderman 2006; Imran, Ayobami, 2011). Laporan secara berkala yang dilakukan beberapa tahun oleh Worthing (2007) mendapati populasi mahasiswa yang terlibat dengan gejala ini di antara 63% hingga 70%. Namun demikian, isu ini berkembang dengan pesat tidak terkecuali dengan negara Asia. Diekhof, Labeff, Clark, William, Francis & Haines, 1996) merekodkan 55.4% mahasiswa di Jepun terlibat dengan ketidakjujuran akademik. Selain itu, di Taiwan peratusan yang dicatatkan juga tinggi iaitu 85% mahasiswa di universiti awam terlibat dengan gejala ini. Tinjauan terbaru di Taiwan mencatatkan 61.4% mahasiswa di Taiwan mengaku terlibat dengan perlakuan ini (Hsiao & Yang, 2011). Kajian Nurshihah & Nurliyana (2013) di sebuah universiti awam di Malaysia mendapati 82% mahasiswa mengaku pernah melakukan ketidakjujuran akademik di Malaysia.

Perkembangan yang pesat teknologi maklumat mendorong kepada peningkatan akses kepada maklumat di atas talian. Kepesatan teknologi internet, dan perkembangan teknologi maklumat amat mendorong perlakuan ketidakjujuran akademik merebak. Gejala ketidakjujuran ini juga dikenali sebagai penipuan e-elektronik (Ankubut, Sendag, Brinci, Sahin, Kilcer & Odabaci, 2008). Gejala mengambil maklumat daripada internet, berkongsi maklumat, e-mel, telefon mudah alih dan peralatan digital lain memudahkan perlakuan ketidakjujuran akademik berlaku (Kleiner & Lord, 1999). Kemudahan jaringan internet, Fasiliti dan kemudahan internet memberi impak kepada ketidakjujuran akademik sebagaimana sebahagian besar kajian yang telah dilakukan oleh kebanyakan pengkaji (Jones, Ramanau, Cross & Healing, 2010). Mengikut kajian Thrusell & Byrne (2012) mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kemudahan jaringan internet dengan perlakuan ketidakjujuran akademik memandangkan maklumat yang diperolehi tanpa batas, mudah diambil dan diakses dan juga amat mudah untuk dikongsi dalam masa yang cepat. Davinsson & Sillence (2010) melaporkan bahawa kebanyakan ketidakjujuran akademik berlaku sama ada melalui muat turun bahan melalui internet, *copy* dan *paste* bahan ketika membuat tugas. King, Guyette & Pietrowski (2009) menjelaskan bahawa 74% mahasiswa percaya bahawa dengan menggunakan internet dan bahan secara atas talian memudahkan mereka untuk melakukan ketidakjujuran akademik. Laporan *Centre For Academic Integrity* menyatakan peningkatan kes ketidakjujuran akademik berasaskan internet berlaku sebanyak 10% hingga 40% setahun (McCabe, 2005).

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perlakuan ini. Sebilangan pengkaji menggariskan pelbagai faktor yang signifikan mempengaruhi perlakuan ketidakjujuran

akademik dalam konteks global. Terdapat laporan menyatakan perlakuan ini berlaku disebabkan oleh faktor keinginan untuk lulus dalam peperiksaan dan mendapat markah yang tinggi (McCabe et al.2001; Wideman, 2008 & Odunayo & Olajuwon, 2010). Selain itu, faktor ekonomi (ingin mendapat gaji yang tinggi) juga menjadi antara faktor penyebab (Whitley, 1998; Wideman, 2008) di samping tidak mengetahui undang-undang dan kod etika mengenai ketidakjujuran akademik (McCabe, 2001; Petress, 2003). Antara faktor lain yang dikenal pasti oleh pengkaji adalah seperti pengaruh rakan (McCabe & Trevino, 1993; Whitley, 1998), kesukaran tugasan (Kelly et al.1998) pengaruh teknologi ( Thrushell et al.2012).

Berdasarkan sorotan isu ketidakjujuran akademik ini secara global, adalah menjadi satu kebimbangan memandangkan isu ini semakin meningkat dari masa ke semasa. Satu langkah yang drastik perlu diambil oleh institusi-institusi akademik agar perkara ini tidak menjadi semakin menular dan seterusnya merosakkan integriti dalam dunia akademik.

#### 4.0. Ketidakjujuran akademik dari perspektif syarak

Islam secara dasarnya melarang semua bentuk perlakuan yang membawa kepada kecelakaan, penipuan dan merosakkan. Bertitik tolak atas dasar akhlak dan keimanan segala bentuk ketidakjujuran perlakuan tidak dapat diterima dalam Islam. Islam memandang segala perlakuan menyimpang seperti ketidakjujuran akademik atau lebih khusus seperti plagiat, meniru, menjiplak dan lain-lainnya sebagai terkeluar daripada garis panduan nilai dan etika Islam itu sendiri. Ulama kontemporari, bersependapat bahawa meniru adalah penipuan, dan penipuan adalah haram dari segi pandangan syarak.

Junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ مَرَّ عَلَى صُبْرَةٍ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلًا فَقَالَ مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَمَا يَرَاهُ النَّاسُ مِنْ غَشٍّ فَلَيْسَ مِنِّي

*Pada suatu hari Rasulullah S.A.W. pernah melalui seorang lelaki yang sedang menjual makanan (bijian). Baginda sangat mengaguminya, lalu baginda memasukkan tangannya ke dalam tempat makanan itu, apabila dilihatnya makanan itu basah, lali baginda bertanya: Apa yang dilakukan oleh pemilik makanan ini?. lalu lelaki itu menjawab bahawa makanan itu terkena hujan. Kemudian Rasulullah S.A.W. bersabda “Mengapa kamu tidak letakkan yang basah itu di atas , supaya orang lain mengetahuinya?. Barang siapa menipu, bukanlah (mereka) dari golongan kami (Islam)”.*

(Riwayat Muslim, 1/99)

Nabi Muhammad S.A.W juga mencela perbuatan menipu dalam kata lain perbuatan yang membawa kepada pelanggaran etika akhlak Islam yang sebenarnya. Nilai dan etika serta kejujuran dalam segala perbuatan menjadi asas dalam bermuafakat, berkomunikasi, berkelakuan mahupun dalam menuntut ilmu. Nabi Muhammad mencela perbuatan seperti meniru yang digolongkan sebagai penipuan sebagaimana kisah kaum Yahudi yang sentiasa menipu dalam jualan . Sabda Nabi S.A.W:

قَاتَلَ اللَّهُ الْيَهُودَ حَرَمَ عَلَيْهِمُ الشَّحْمَ فَبَاعُوهُ وَأَكَلُوا تَمَنَّهُ

*Allah akan menghancurkan Yahudi yang mana mereka ini, apabila Allah mengharamkan memakan lemak (Babi, bangkai dan lain-lain yang diharamkan) lalu mereka membuat helah dengan menjualnya serta menikmati hasil jualannya.*

(Riwayat Al-Bukhari no 2111, 2/775)

Islam mengutuk dan mencela perbuatan yang menyimpang dan terkeluar daripada etika Islam sebenar. Perbuatan yang menyimpang seperti meniru, menjiplak hak orang lain, mengambil bahan tanpa kebenaran yang sah, memalsukan sumber dan bahan-bahan adalah disifatkan satu perbuatan yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai Islam (Moten, 2014). Islam juga mengutuk sekeras-kerasnya individu yang terlibat dengan penipuan mahupun dalam perlakuan ataupun penulisan, lisan dan tingkah laku. Firman Allah Taala :

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا آتَوْا وَيُحِبُّونَ أَنْ يُحْمَدُوا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّهُمْ بِمَفَازَةٍ  
مِّنَ الْعَذَابِ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ١٨٨

*Jangan sekali-kali engkau menyangka (wahai Muhammad, bahawa) orang-orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan, jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa dan mereka pula akan beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.*

(Al Imran:188)

Ayat ini menjelaskan bahawa segala bentuk penipuan dan sesiapa yang melakukan perbuatan serta berhajat untuk mendapat penghargaan dan kelebihan daripada segala bentuk yang tidak dilakukannya maka ia dilaknat dan akan mendapat balasan yang berat di sisi Allah.

Perlakuan menyimpang daripada garis panduan Islam juga diklasifikasikan sebagai pecah amanah. Perbuatan mengambil idea dan fikrah orang lain tanpa kebenaran yang sah daripada pemiliknya, boleh diklasifikasikan sebagai tidak jujur dan pecah amanah. Ini bermaksud seseorang individu yang berhajat atau berniat untuk menyatakan sesuatu perkara yang pada dasarnya bukan daripadanya maka ia disifatkan tidak amanah kepada hak orang lain. Sebagaimana firman Allah Taala:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨

*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

( Al Nisa': 58)

Berdasarkan kepada dalil yang sahih, jelaslah bahawa aktiviti ketidakjujuran akademik ini menyalahi nilai dan etika Islam. Seruan kepada berintegriti, jujur dan amanah dalam perbuatan menjadi tunjang yang utuh dalam Islam.

### 5.0. Kesimpulan.

Islam menyeru umatnya berusaha dan beretika dalam setiap perkara yang berkaitan dengan kehidupan. Agama Islam juga menghendaki umatnya hidup kuat dan berjuang dengan seruan perjuangan dan berusaha dalam segala bidang agar mencapai kejayaan yang selayaknya dimiliki oleh umat Islam. Sifat manusia yang lemah, ada kalanya alpa dan lupa terhadap tujuan hidup yang sebenarnya seperti yang dikehendaki Islam itu sendiri (Stefano & Zhu, 2009). Garis panduan yang di syariat kan oleh Allah kepada umatnya sepatutnya berupaya membentuk akhlak dan nilai yang baik jika manusia memahami *hadaf* dan tujuannya. Firman Allah taala:

لَيْسَ بِأَمَانِيكُمْ وَلَا أَمَانِي أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَ بِهِ وَلَا يَجِدْ لَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ۝ ١٢٣ وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ۝ ١٢٤

*(Balasan yang baik yang dijanjikan oleh Allah itu) tidak akan didapati hanya dengan angan-angan kamu semata-mata dan tidak pula dengan angan-angan ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Sesiapa yang melakukan kejahatan, dia akan dibalas dengan kejahatan itu dan dia pula tidak akan mendapat selain dari Allah seorang pun yang akan melindunginya dan tidak ada juga yang dapat menolongnya.*

*Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikit pun.*

*(An Nisa':123 & 125)*

Islam juga menyeru umatnya agar menjauhi segala perlakuan yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar dan menyalahi hukum syarak. Perbuatan seperti ketidakjujuran akademik ini, disepakati oleh ulamak bahawa ia satu perlakuan yang menyalahi syarak dan sewajarnya di jauhi dalam konteks memperoleh ilmu yang berkat dan bermakna dalam kehidupan.

Firman Allah :

إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ۝ ١٢

*Sesungguhnya orang-orang yang takut (melanggar hukum) Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.*

*(Al Mulk:12)*

Dalam membentuk individu yang berintegriti dalam perlakuannya sama ada dalam *muamalah* nya mahupun dalam akademiknya, asas yang kukuh seperti yang di gariskan syarak sepatutnya menjadi tunjang perlakuannya. Jika nilai keperibadian yang baik diterapkan, individu yang berintegriti akan meninggalkan apa sahaja yang tidak bermanfaat baginya sama ada hal yang diharamkan, *syubhah*, *makruh* dan hal-hal *mubah* yang berlebihan dan yang tidak dituntut syarak. Bertitik-tolak daripada prinsip akhlak itu sendiri, sesuatu pekerjaan, perbuatan dan amalan mestilah tidak membawa kepada kerosakan kepada diri sendiri, masyarakat dan negara umumnya. Selain itu, penerapan nilai integriti dalam diri amatlah penting dalam menangani isu ini. Jika asas integriti di murnikan dalam jiwa individu secara langsung ia memberi kesan positif kepada individu dan membawa kepada pertumbuhan akhlak yang lebih baik (Jamiah, Azimi, Sidek, Amin, Norizan, Halimah & Hanina, 2005).

Sejajar dengan wawasan akademik negara ke arah membentuk negara maju dan modal insan cemerlang, maka nilai-nilai integriti dalam akademik ini juga perlu ditekankan. Pembangunan nilai insaniah, akhlak dan nilai moraliti juga menjadi keperluan dalam membentuk nilai integriti dalam akademik. Langkah yang diambil kerajaan dalam menangani isu ini di lihat ke hadapan berbanding negara Islam lain di dunia. Negara-negara Islam seperti Bangladesh, Pakistan, Iran dan Arab Saudi tidak mempunyai undang-undang khusus dan kod etika tertentu dalam struktur akademik mereka (Moten, 2014). Setiap universiti awam mahupun swasta di negara ini secara jelas menggubal undang-undang dan kod etika tersendiri dalam menangani isu ini. setiap polisi dan kod etika yang digubal berupaya menggerakkan budaya dan nilai integriti dalam institusi pendidikan. Selain itu kesedaran seperti pembangunan nilai moral, penghayatan keagamaan dan kerohanian perlu dititik beratkan memandangkan ia mampu membentuk nilai dan etika individu dalam menangani isu ini. Individu yang mempunyai asas keagamaan, penghayatan nilai-nilai murni yang lemah dan lemah disiplin diri akan mendedahkan diri dalam pelbagai salah laku (Muhammad Uthman, 2007). Negara-negara maju seperti Amerika, England, Finland dan lain-lain negara yang ke hadapan dalam akademik, telah mula mengorak langkah dengan menggandakan promosi nilai integriti dan etika akhlak akademik dan menubuhkan jabatan khusus integriti akademik di institusi pendidikan masing-masing.

## Rujukan

- AbdulHafeez, M., Asadullah, S., Rosydi, M., & Farooq, A. (2013). Inculcating ethical values in the students through e-Learning platform. In *2013 5th International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World, ICT4M 2013*. doi:10.1109/ICT4M.2013.6518891
- Ahmad, Z. (2004). *The Epistemology of Ibn Khaldun. Dimension Contemporary German Arts And Letters*. doi:10.4324/9780203633892
- Al-Suyuti (1998). *Al-Faraq Bayna Al-Musannif Wa al Sariq*. Beirut: Alam Al-Kutub.
- Anitsal, I. Anitsal, M.M, & Elmore, R. (2009). Academic dishonesty and Intention to Cheat: A Model on active versus passive academic dishonesty as perceived by business student. *Academic of Educational Leadership Journal*, 13(2): 17-26.



- Akbulut, Y., enda, S., Birinci, G., K, K., Sahin, M. C., & Odabayi, H. F. (2008). Exploring the types and reasons of Internet-triggered academic dishonesty among Turkish undergraduate students: Development of Internet-Triggered Academic Dishonesty Scale (ITADS). *Computers and Education*, 51(1), 463–473.
- Bowers, J. W. (1964). *Student Dishonesty and its Control in Colleges*. Bureau of Applied Social Research.
- Byrne, K., & Trushell, J. (2013). Education undergraduates and ICT-enhanced academic dishonesty: A moral panic? *British Journal of Educational Technology*, 44(1), 6–19. doi:10.1111/j.1467-8535.2012.01381.x
- Davinson, N., & Sillence, E. (2010). It won't happen to me: Promoting secure behaviour among internet users. *Computers in Human Behavior*, 26(6), 1739–1747. doi:10.1016/j.chb.2010.06.023
- Gibaldi, J. (2010). *A Simplified Version of the MLA Handbook for Student Use*. Language.
- Grimes, P. W. (2004). Dishonesty in academics and business: A cross-cultural evaluation of student attitudes. *Journal of Business Ethics*, 49(3), 273–290. doi:10.1023/B:BUSI.0000017969.29461.30
- Hsiao, C.-H., & Yang, C. (2011). The Impact of Professional Unethical Beliefs on Cheating Intention. *Ethics & Behavior*, 21(4), 301–316. doi:10.1080/10508422.2011.585597
- Ibn Khaldun, A. (1989). *The Mukadimah: An introduction to history* (Franz Rosenthal, Trans). NJ:Princeton University Press.
- Imran, A.M. & Ayobami, O.R. (2011) academic dishonesty among tertiary institution students: An exploration of the societal influences using SEM analysis. *International Journal of Education*. Vol 3(2). 2-11.
- Imran, A.M & Nordin, M.S. (2014). Predicting the Underlying Factors of Academic Dishonesty among Undergraduates in Public Universities: A Path Analysis Approach. *J Acad Ethics* (2013) 11:103–120.
- Jamiah M, Azimi H, Ezhar .T, Sidek M,.Noah,Amini A. Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah A. Othman dan Hanina Halimatusaadiah (2005). Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005*, Universiti Teknologi Malaysia di Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru. 2-3 Februari.
- Jones, C., Ramanau, R., Cross, S., & Healing, G. (2010). Net generation or Digital Natives: Is there a distinct new generation entering university? *Computers and Education*, 54(3), 722–732. doi:10.1016/j.compedu.2009.09.022
- Kelly, A.M., Gutmann, M.E., Schneirderman, E., DeWald, J.P., McCann, A., & Campbell, P.R. (2008). The prevalence of academic dishonesty in Texas Dental Hygiene Programs. *Journal of Dental Education*, 72(11), 127-1260.

- Khaldun, I. (1958). *The Muqaddimah: An Introduction to History. Volumes I, II, III, Pantheon Books Inc., NY, 313*. Retrieved from <http://books.google.com/books?id=FINZ5wmo5LAC&pgis=1>
- Kuntz, J. R. C., & Butler, C. (2014). Exploring Individual and Contextual Antecedents of Attitudes Toward the Acceptability of Cheating and Plagiarism. *Ethics & Behavior*, 24(September), 478–494. doi:10.1080/10508422.2014.908380
- Kleiner, C. & Lord, M.(1999). The cheating games. *US News & world report*, 127, 54-63
- King, C. G., Guyette, R. W., & Piotrowski, C. (2009). Online Exams and Cheating : An Empirical Analysis of Business Students ' Views. *The Journal of Educators Online*, 6(1), 1–11.
- Latisha Asmaak Shafiee & Surina Nayan. (2012). The Net Generation and Academic Dishonesty in Malaysia. *Technology Innovations in Education*. pp 181-186.
- McCabe, D. L., Treviño, L. K., & Butterfield, K. D. (2001). Cheating in Academic Institutions: A Decade of Research. *Ethics & Behavior*, 11(3), 219–232. doi:10.1207/S15327019EB1103\_2
- Mc Cabe, D.L. (2005). *President report: The Centre for Academic integrity*, Durham,NC:Kennan Institute for Ethics, Duke University
- McCabe, D.L., & Trevino, L.K.(1993). Academic dishonesty: honor codes and other contextual influences. *Journal of Higher education*, 64, 520-538.
- Moten, A. R. (2014). Academic dishonesty and misconduct: Curbing plagiarism in the Muslim world. *Intellectual Discourse*, 22(2), 167–189.
- Murdock, T. B., & Anderman, E. M. (2006). Motivational Perspectives on Student Cheating: Toward an Integrated Model of Academic Dishonesty. *Educational Psychologist*, 41(3), 129–145. doi:10.1207/s15326985ep4103\_1
- Muhammad Uthman El-Muhammadey.(2007). Peranan Ulama Dalam Pembangunan: Cabaran Abad ke-21.Suntingan Aidit Hj Ghazali dan Dzulfawati Hj Hassan.Kuala Lumpur.
- Ogunayo, W., & Olujuwon, T.(2010). Corrupt practices and educational values attainment in Nigeria society. *European Journal of Social Sciences*, 16(1), 64–74.
- Petress, K.C.(2003). Academic dishonesty: a plague on our profesion. *Education*, 123(3). 624-627.
- Saidin, N., & Isa, N. (2013). Investigating Academic Dishonesty among Language Teacher Trainees: The Why and How of Cheating. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 90(InCULT), 522–529. doi:10.1016/j.sbspro.2013.07.122

Stuber-McEwen, D. Wisely. P. & Hoggat.S.(2009). Point, Click and cheat: Frequency and type of academic dishonesty in the virtual classroom. *Online Journal of Distance Learning Administration*. 12(3) .pp 1-10.

Wideman, M.A.(2008). Academic dishonesty in postsecondary education: a literature review. *Teaching & Learning Journal*, 2(1), 1-12.

Worting, E.K. (2007). cheating in community college: generalization differences among students and implications for faculty. *Inquiry*, 12 (1), 5-13.